

## Faktor-Faktor Guru Bersara Awal: Satu Kajian Kes dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu di Tiga Jenis Sekolah Rendah di Zon Gemencheh

*(The Factors of Early Retired Teachers: A Case Study among Malay Language Teacher at Three Type Primary School in Gemencheh Zone)*

<sup>1</sup>HABIBAH MOHAMMAD @ BASIRON, <sup>2</sup>FATIN NABILA RAZALI & <sup>3</sup>ZAMRI MAHAMOD

<sup>1</sup>*Sekolah Kebangsaan Gedok, Gemencheh, Negeri Sembilan, Malaysia.*

<sup>2</sup>*UNITAR Wilayah Timur, Cosmopoint College, Ipoh, Perak, Malaysia.*

<sup>3</sup>*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.*

[p121079@siswa.ukm.edu.my](mailto:p121079@siswa.ukm.edu.my); [p128740@siswa.ukm.edu.my](mailto:p128740@siswa.ukm.edu.my); [d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

Dihantar: 23 November 2023 / Diterima: 30 Mei 2024

Koresponden e-mel: [d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Isu guru bersara awal hangat diperkatakan apabila Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mendedahkan terdapat peningkatan dalam trend itu terutama mereka dalam lingkungan 56 hingga 58 tahun. Hal ini menjadi semakin membimbangkan apabila trend ini semakin meningkat sehingga kini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor ramai guru yang merancang untuk bersara lebih awal. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual sebagai alat pengumpulan data. Temu bual dilakukan terhadap empat orang guru Bahasa Melayu yang berlainan sekolah rendah, iaitu dua orang guru dari Sekolah Kebangsaan (SK), seorang guru dari Sekolah Jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan seorang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Kesemua sekolah ini berada dalam zon Gemencheh, Negeri Sembilan. Data dianalisis secara bertema dan dihuraikan secara naratif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lapan faktor yang menyebabkan guru-guru Bahasa Melayu merancang untuk bersara lebih awal daripada tempoh perkhidmatan yang ditetapkan. Faktor utama ialah faktor beban tugas, stress dan tekanan daripada pentadbir, masalah kesihatan dan tugas perkeranian. Implikasi daripada kajian ini ialah pihak sekolah/Pentadbir, KPM, JPN dan PPD perlu segera mengatasi trend bersara awal dalam kalangan guru senior dan berpengalaman supaya tidak menjejaskan pembelajaran murid dan pencapaian sekolah.

**Kata kunci:** Guru bersara awal, Sekolah rendah, Guru Bahasa Melayu, Faktor bersara awal, Kesan bersara awal

### ABSTRACT

*The issue of teachers retiring early was hotly discussed when the National Teachers Service Union (NUTP) revealed that there was an increase in the trend, especially those between 56 and 58 years old. This is becoming more and more worrying when this trend is increasing until now. Therefore, this study aims to identify the factors of many teachers who plan to retire early. This qualitative study uses the interview method as a data collection tool. Interviews were conducted with four Malay Language teachers from different primary schools, namely two teachers from the National School (SK), one teacher from the Chinese Type National School (SJKC) and one teacher from the Tamil Type National School (SJKT). All these schools are in the Gemencheh zone, Negeri Sembilan. Data were analyzed thematically and described narratively. The findings of the study show that there are eight factors that cause Malay Language teachers to plan to retire earlier than the prescribed service period, mainly due to workload factors, stress and pressure from administrators, health problems and clerical duties. The implication of this study is that schools/administrators, Ministry of Education (KPM), State Education Department (JPN) and District Education Department (PPD)*

*need to immediately overcome the trend of early retirement among senior and experienced teachers will not affect student learning and school achievement.*

**Keywords:** *Teachers retiring early, Primary school, Malay Language teacher, Factors of retiring early, Impact of retiring early*

## PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengakui guru bersara awal adalah satu isu tidak boleh dipandang remeh. ISU guru bersara awal hangat diperkatakan apabila Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mendedahkan terdapat peningkatan dalam trend itu terutama mereka dalam lingkungan 56 hingga 58 tahun. Kata NUTP, lebih 10,000 guru membuat pilihan bersara awal setiap tahun dan ia jauh melebihi statistik Kementerian Pendidikan (KPM) iaitu sebanyak 4,360 permohonan persaraan pilihan dibuat oleh guru bermula Januari 2021 (Roshlawaty 2022). Isu ini sangat mengejutkan apabila trend guru bersara awal kian meningkat dari tahun ke tahun. Pada

tahun 2015, sebanyak 2,777 guru yang memilih untuk bersara awal, manakala tahun seterusnya iaitu 2016, angkanya meningkat kepada 3,591. Trend ini menjadi lebih merisaukan apabila angka berkenaan terus meningkat kepada 4,360 permohonan persaraan awal pada 2021 iaitu bersamaan dengan 1.06 peratus jumlah keseluruhan guru (Nas Norziela 2022). Kajian yang lebih teliti sedang dibuat oleh pihak KPM dalam ingin mencari punca guru berhenti awal. Susulan pendedahan ini, ramai pihak yang melontarkan pendapat dan kajian perihal analisis punca berlakunya isu ini.

## PERNYATAAN MASALAH

Dalam usaha memacu pembentukan ke arah negara Malaysia yang maju, pendidikan merupakan antara sektor yang paling penting khususnya di dalam usaha pembentukan modal insan yang berguna di dalam masyarakat. Hal ini adalah kerana, pendidikan yang baik menentukan corak pemikiran dan kehidupan yang baik bagi suatu bangsa (Shahlan dan Zamri 2023). Tidak dapat dinafikan bahawa hasrat terhadap persaraan awal telah menjadi isu yang membimbangkan dalam kalangan guru sehingga kini. Isu guru yang ingin bersara lebih awal semakin meningkat dari tahun ke setahun telah memberi kesan yang besar terhadap sistem pendidikan negara, terutama apabila sektor pendidikan semakin kehilangan guru yang berpengalaman dan berkemahiran. Isu ini perlu ditangani segera kerana ia turut memberi kesan kepada murid dan menjejaskan masa depan murid di negara kita.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada hasrat guru untuk bersara awal. Antaranya adalah kekangan-kekangan semasa guru di dalam perkhidmatan mengajar di sekolah. Kekurangan dalam kemahiran teknologi maklumat, masalah kesihatan, kewangan yang kukuh, keinginan menjalani kehidupan berkeluarga, pengisian masa yang lebih bermakna dan keinginan menceburi bidang lain juga merupakan antara faktor yang menyumbang kepada hasrat persaraan awal (Norhana 2020). Menurut Tajul Rosli et al. (2023), terdapat enam faktor yang

menyumbang kepada hasrat persaraan awal guru-guru iaitu faktor bebanan kerja, tekanan oleh pihak pentadbiran, persekitaran sosial di tempat kerja, isu buli, isu murid dan masyarakat, kecekapan sendiri dan kemudahan prasarana. Perkara ini turut menyokong usul yang diperkatakan oleh Syed Ismail et al. (2022) bahawa terdapat 52.7% pegawai akademik di Institut Pendidikan Guru (IPG) tidak mencapai tahap kepuasan pekerjaan dengan suasana kerja yang dihadapi oleh mereka. Budaya kerja semasa perkhidmatan perguruan dilihat begitu memainkan peranan penting dalam menentukan hasrat guru untuk bersara awal.

Selain itu, antara faktor dikenal pasti ramai guru ingin bersara awal termasuk dalam kalangan guru Bahasa Melayu adalah disebabkan oleh isu beban tugas guru yang banyak. Hal ini telah memberikan kesan negatif kepada prestasi kerja, komitmen, motivasi dan kualiti tugas hakiki seorang guru di bilik darjah (Ummi Kalsom 2014). Dengan pembaharuan dan pengemaskinian kurikulum dan kokurikulum di sekolah telah menyebabkan guru-guru berhadapan dengan pelbagai tugas yang mencabar dan sukar sehinggakan mereka diuji dengan pelbagai perkara dan terbeban. Beban tugas guru yang semakin mencabar menjejaskan motivasi guru dan seterusnya juga menjejaskan kecekapan mereka dalam pendidikan. Beban tugas guru juga menyebabkan tekanan kerja sehingga memberi kesan terhadap mental dan fizikal guru serta di samping itu, menjadi punca kepada persaraan awal dalam kalangan

guru (Nor Safwan dan Shazaitul Azreen 2020).

Isu pihak pentadbir yang kurang adil dalam pembahagian tugas turut mendorong tekanan dalam kalangan guru dan salah satu punca guru-guru ingin bersara awal. Ketika ini, guru sibuk dan dibebani dengan tugas yang tidak berkaitan dengan kerja sebenar mereka, malah ia juga menyebabkan tugas pentadbiran mengurangkan masa antara guru dan murid. Pengagihan tugas oleh pentadbir adalah berdasarkan usaha yang ditampilkan oleh pihak guru dan ini mendorong kepada ketidakseimbangan kadar pembahagian tugas di antara guru-guru dalam setahun, bahkan menyebabkan terdapat sebahagian guru perlu melaksanakan jumlah bebanan kerja yang lebih tinggi berbanding rakan guru yang lain (Norfatin 2021). Pembahagian tugas yang saksama dan adil, terutamanya oleh pentadbir sekolah, amat diperlukan untuk guru bekerja dengan lebih cekap. Guru seharusnya diberikan tugas yang setimpal dan sesuai dengan kedudukan, pengalaman, kemahiran dan kebolehan mereka kerana pembahagian tugas yang saksama dan adil akan meningkatkan kepuasan guru serta membolehkan guru melaksanakan tugas mereka dengan lebih cekap, teliti dan tenang.

Mohammad Zainuddin et al. (2022) menyatakan bahawa perubahan corak kepimpinan turut mendorong terhadap hasrat persaraan awal dalam kalangan guru. Hal ini seiring dengan dapatan Ooi dan Aziah (2015) bahawa guru yang tertekan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kepimpinan pentadbiran. Tekanan di tempat kerja dapat diatasi jika guru mendapat keadilan yang sewajarnya daripada pihak awal.

pentadbiran dalam mengagihkan tugas kepada guru-guru dengan seimbang, memberikan sokongan dan motivasi kepada guru, mempraktikkan polisi secara terbuka, menggalakkan kerjasama dan tegas di dalam menangani isu disiplin murid. Kesemua masalah yang dihadapi oleh guru ini harus dilihat dan diteliti agar penyelesaian kepada permasalahan ini dapat dikenalpasti dan disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Kajian ini juga diperlukan bagi membantu pihak berwajib untuk menentukan dan memastikan pendekatan-pendekatan terbaik bagi situasi-situasi yang tertentu.

Trend yang membimbangkan ini boleh mendatangkan pelbagai implikasi terhadap sistem pendidikan di negara Malaysia. Antaranya adalah jumlah kekosongan guru akan meningkat secara mendadak dan anak-anak Malaysia bakal mengalami kekurangan guru-guru yang berpengalaman hebat dalam bidang pendidikan. Hal ini secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran murid-murid di Malaysia (Tajul Rosli et al. 2023). Nisbah antara guru baharu dan guru berpengalaman di sekolah perlu dikawal keseimbangannya agar guru baharu berpeluang untuk menimba ilmu dan pengalaman daripada guru-guru berpengalaman. Selain itu, trend peningkatan guru bersara awal ini juga boleh menyebabkan gangguan kepada perancangan polisi pendidikan (Mohammad Zainuddin, et al. 2022).

Justeru objektif kajian ini adalah meneroka dan mengenal faktor-faktor guru Bahasa Melayu bersara awal.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor guru bahasa Melayu ingin bersara lebih awal daripada peringkat umur yang sepatutnya. Kajian ini juga untuk mengenal pasti kesan dan cara mengatasi isu guru bahasa Melayu yang ingin bersara lebih awal ini. Pendekatan secara kualitatif telah

digunakan untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah rendah yang terletak di Zon Gemenceh, Negeri Sembilan. Kaedah kajian dan strategi telah disusun secara teratur bagi mendapatkan data serta maklumat untuk mencapai objektif kajian.

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor mengenal pasti faktor penyebab guru ingin bersara lebih awal dan kesan yang timbul apabila ramai guru ingin bersara lebih awal guru dan juga pihak sekolah. Reka bentuk kajian adalah kajian kualitatif berbentuk kajian kes yang menggunakan kaedah temu bual sebagai instrumen kajian. Temu bual reflektif melibatkan pengkaji dengan responden dilakukan secara lisan (perbualan) dan direkod sepanjang proses

tersebut berlangsung bagi tujuan transkripsi teks perbualan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Temu bual perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena (Denzin 2001).

Kaedah kualitatif dilihat dapat menjelaskan maklumat yang ingin diperolehi secara holistik daripada sumber yang sepatutnya tanpa wujudnya sebarang manipulasi oleh penyelidik (Merriam 2009).

Kajian ini melibatkan tiga buah sekolah rendah yang berlainan lokasi di Gemencheh, Negeri Sembilang menggunakan pendekatan kajian satu kes pelbagai tempat (*single cas multiple site*) (Yin 2012; Creswell 2008). Berikut merupakan penjelasan lebih lanjut:

1. Satu kes: Merujuk kepada isu guru bersara dalam yang berlaku di sekolah rendah di lokasi kajian yang dipilih. Fokus utama kajian ini tertumpu kepada penerokaan maklumat dari aspek faktor penyebab guru merancang bersara awal

dan kesan yang timbul apabila ramai guru merancang bersara lebih awal.

2. Pelbagai tempat: Merujuk kepada lokasi sekolah yang menjadi pilihan pengkaji untuk memperoleh dan mengumpul data kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih tiga buah sekolah yang berbeza lokasinya, iaitu di SK, SJKC dan SJKT. Pengkaji telah mengenal pasti guru Bahasa Melayu yang berhadapan dengan isu guru bersara awal sekolah rendah tersebut.

### Pemilihan Peserta Kajian

Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu mengambil sampel daripada mana-mana individu dalam populasi yang memenuhi kriteria untuk dipilih sebagai peserta kajian, telah digunakan dalam kajian ini untuk menjalankan proses temu bual bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan isu guru bersara awal dalam kalangan guru sekolah rendah. Pemilihan kaedah persampelan bertujuan akan membolehkan pengkaji mendapat maklumat tentang perkara

yang hendak dikaji dengan tepat, holistik dan bermakna (Merriam 2009) Sampel haruslah menunjukkan keselarian dengan dapatan kajian bagi mencapai objektif kajian. Sampel dipilih dengan penuh teliti bagi menepati kriteria-kriteria yang diperlukan untuk memastikan pembaca memahami hasil kajian. Justeru, seramai empat orang guru Bahasa Melayu dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan kriteria peserta kajian yang telah ditetapkan.

### Instrumen Data

Instrumen kajian yang digunakan untuk memperoleh data ialah temu bual separa berstruktur dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tema. Soalan temu bual menjadi instrumen utama dalam proses pengumpulan data. Menurut Chua (2014), soalan berbentuk separa berstruktur boleh diubah suai dan disusun mengikut turutan tertentu supaya sampel/peserta kajian dapat memahami dengan baik. Pengkaji melihat isu kajian di bawah perspektif subjek semasa

proses penggubalan soalan temu bual tersebut. Hujah galakan minimum digunakan untuk memperoleh maklumat lanjut berkaitan isu yang dibincangkan dalam sesi temu bual tersebut. Pengurangan atau pertambahan soalan juga boleh berlaku semasa proses temu bual dijalankan. Kajian kes satu kes pelbagai tempat ini menggunakan data temu bual sebagai data utama. Temu bual berstruktur ini dijalankan terhadap empat orang guru wanita yang bertugas di sekolah rendah.

### Kaedah Analisis Data

Seusai proses transkrip teks temu bual, proses penganalisan data kajian dilakukan terhadap teks deskriptif tersebut dengan lebih terperinci. (Creswell 2008; Merriam 2009 menyatakan penganalisan data merupakan proses untuk mengemas, menstrukturkan dan memberi makna kepada data yang dikumpul. Hasil analisis data kajian merangkumi pelbagai maklumat penting berkaitan isu guru bersara awal di sekolah rendah dari aspek cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu dan cara penyelesaian isu tersebut disusun secara teratur bagi membantu proses penganalisan keseluruhan data. Marshall dan Rossman (2006) menjelaskan terdapat beberapa peringkat dalam tatacara penganalisan data iaitu menguruskan data,

membentuk kategori, tema dan bentuk, mengekod data, mengesahkan dan seterusnya menulis laporan.

Analisis data kualitatif dalam kajian ini ialah analisis tema yang lebih bersifat fleksibel. Proses menganalisis data berdasarkan transkrip temu bual dalam kajian ini adalah mengikut saranan oleh Braun dan Clarke (2006) yang mengatakan bahawa analisis tema merupakan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema dengan data. Proses penganalisan hasil data kajian ini dilakukan secara berulang kali bagi mendapatkan data yang paling tepat bersesuaian dengan objektif kajian pengkaji.

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Peserta Kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam temu bual ini terdiri daripada empat orang guru sekolah rendah yang terletak di Zon Gemencheh, negeri Sembilan. Guru yang terlibat ialah dua orang guru Bahasa Melayu SK, seorang guru Bahasa Melayu SJKC dan seorang guru Bahasa Melayu SJKT. Profil responden guru merangkumi jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelayakan akademik. Jadual 1 menunjukkan dapatan analisis deskriptif demografi responden. Setiap guru

diberikan koding, iaitu Guru Bahasa Melayu merujuk GBM1 sehingga GBM4. Berdasarkan Jadual 1, semua guru Bahasa Melayu ialah guru perempuan. Dua orang guru berumur 41 hingga 50 tahun, dan dua orang guru yang berumur lingkungan 51 hingga 60 tahun. Dari segi kelulusan tertinggi, semua guru yang terlibat dalam temu bual ini memiliki Ijazah Sarjana Muda dan berpengalaman mengajar dalam Bahasa Melayu.

JADUAL 1: Demografi peserta kajian

Kategori		Frekuensi (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	0	-
	Perempuan	4	100%
Umur	21 hingga 30 tahun	0	-
	31 hingga 40 tahun	0	-
	41 hingga 50 tahun	2	50%
	51 hingga 60 tahun	2	50%
Tempoh Perkhidmatan	Bawah 5 tahun	0	-
	6 hingga 10 tahun	0	-
	11 hingga 20 tahun	1	25%
	21 hingga 30 tahun	3	75%
	31 hingga 60 tahun	0	-
Kelayakan Akademik	Phd	0	-
	Ijazah sarjana	0	-
	Ijazah sarjana muda	4	100%
	Diploma	0	-

### Faktor-Faktor Penyebab Guru Bahasa Melayu Merancang Bersara Awal

Pengkaji telah menemu bual empat orang guru sekolah rendah dari sekolah luar bandar di Gemencheh, Negeri Sembilan. Guru yang terlibat adalah dua orang guru SK, seorang guru SJKT dan seorang guru SJKC untuk mendapatkan maklumat faktor penyebab guru

ingin bersara lebih awal. Kesemua guru tersebut telah dijadikan peserta kajian untuk membantu pengkaji menyiapkan temu bual ini. Respons daripada GBM adalah seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Faktor penyebab GBM merancang bersara awal

Bil	Soalan	Informen GBM	Respons GBM
1	Sudah berapa lama cikgu mengajar?	GBM1	25 tahun - Sekolah Kebangsaan
		GBM2	13 tahun - Sekolah Kebangsaan
		GBM3	26 tahun - Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
		GBM4	27 tahun - Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
2	Sebagai guru yang mempunyai banyak pengalaman mengajar, adakah cikgu masih merasa seronoknya mengajar?	GBM1	Masih rasa seronok mengajar di sekolah walaupun kadang-kadang rasa tertekan.
		GBM2	Semakin kurang seronok mengajar kerana terlalu banyak tugas bukan hakiki yang terpaksa diselesaikan juga.
		GBM3	Secara jujurnya keseronokkan mengajar semakin kurang 5-6 tahun kebelakangan ini
		GBM4	Masih seronok kerana selain mengajar saya juga seorang guru GBM. Bidang tersebut memang saya minati.
3	Berapa tahun lagi perkhidmatan cikgu	GBM1	5 tahun
		GBM2	14 tahun

	dalam bidang pendidikan?	GBM3 GBM4	9 tahun 8 tahun
4	Sekarang trend guru bersara awal semakin meningkat setiap tahun, adalah cikgu juga mempunyai perancangan untuk bersara lebih awal?	GBM1 GBM2 GBM3 GBM4	Ya dan saya telah memohon untuk bersara awal. Perancangan untuk bersara awal memang ada, tetapi bukan sekarang. Tanggungan hutang masih banyak. Ada dalam perancangan untuk bersara awal, tetapi masih dalam pertimbangan. Terfikir untuk bersara awal, tetapi saya bertahan demi anak-anak murid saya. Saya sayangkan mereka.
5	Apakah justifikasi (alasan) bagi jawapan soalan no.4?	GBM1 GBM2 GBM3 GBM4	Tidak berminat lagi untuk meneruskan perkhidmatan sebagai pendidik. Rasa mahu bersara, tetapi tempoh perkhidmatan saya masih panjang. Kadang-kadang rasa 'stress' dengan kerja-kerja luar PdP yang banyak. Terdapat beberapa faktor. Antaranya tugas mengajar murid tidak dapat diberi 100% ini disebabkan guru lebih banyak membuat kerja perkeranian, pihak pentadbir dan pihak atasan memberi tekanan dengan meminta data yang pelbagai dan dalam masa yang singkat, pelbagai program tidak menjurus kemenjadian murid dan gangguan wassap tidak kira waktu rehat guru (stress) serta banyak memberi arahan. Keadaan kesihatan saya yang tidak menentu sejak kebelakangan ini. Selain itu penggunaan ICT dalam PdP. Saya kurang mahir dalam penggunaan ICT.
6	Pada pendapat cikgu, kenapa ramai guru yang ingin bersara lebih awal?	GBM1 GBM2 GBM3 GBM4	1. Faktor kesihatan yang memerlukan rawatan yang berterusan menyebabkan guru terpaksa memohon untuk bersara awal. 2. Beban kerja yang banyak dan menyusahkan guru. 1. Beban tugas terlalu banyak 2. Kesihatan yang semakin merosot terutama apabila umur semakin meningkat. 3. Silibus murid yang tinggi menyebabkan tiada keseronokkan mengajar. 1. Faktor kesihatan -ramai guru menjadi tidak sihat dan menghidap pelbagai penyakit. 2. Stress dengan pihak atasan dan ibu bapa/penjaga yang sering menyalahkan guru sekiranya ada perkara yang tidak diingini berlaku kepada murid. Tekanan kerja yang melampau

### ***Tempoh Perkhidmatan Sudah Melebihi 10 Tahun***

Berdasarkan jadual 2, tiga orang GBM telah berkhidmat sebagai guru telah melebihi 20 tahun. Ketiga-tiga GBM ini adalah guru yang sangat berpengalaman dan berkemahiran dalam PdP Bahasa Melayu. GBM1 mempunyai pengalaman mengajar 25 tahun, diikuti GBM3 (26 tahun), dan GBM 4 (27 tahun), manakala GBM2 telah berkhidmat sebagai guru selama 13 tahun. GBM2 masih mempunyai tempoh perkhidmatan yang panjang. Rumusannya, kesemua GBM

kecuali GBM2 mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun. GBM2 pula telah berkhidmat sebagai guru sudah melebihi 10 tahun. Kesemua GBM ini mempunyai pengalaman mengajar yang lama dan berketerampilan didalam bidang pendidikan. Mereka semua sudah melalui pelbagai pengalaman di sekolah dan dapat merasai perubahan dalam sistem pendidikan yang semakin membebankan.

### ***Kelunturan Keseronokan Mengajar***

Jadual 2 menunjukkan dapak kajian daripada hasil temu bual empat orang GBM ini mendapati rasa seronok untuk mengajar sudah semakin luntur dan hilang keseronokkan mengajar. GBM1 menyatakan beliau masih rasa seronok mengajar walaupun

beliau telah memohon untuk bersara awal. GBM4 pula juga masih merasa seronok mengajar di sekolah kerana beliau menjawat jawatan sebagai Guru Perpustakaan dan Media (GPM) yang merupakan bidang yang beliau minati.

- *Masih rasa seronok mengajar di sekolah walaupun kadang-kadang rasa tertekan. (GBM1).*
- *Masih seronok kerana selain mengajar saya juga seorang guru GPM. Bidang tersebut memang saya minati (GBM4).*

GBM2 dan GBM3 sudah semakin hilang rasa minat hendak mengajar. Kelunturan

#### ***Tempoh Perkhidmatan Semakin Pendek dan Perancangan untuk Bersara Awal***

Berpandukan Jadual 2, kesemua GBM merancang untuk bersara lebih awal dan tidak mahu menunggu sehingga waktu bersara wajib. GBM1 telah mengisi borang permohonan untuk bersara awal pada tahun ini (2024) dan berharap permohonannya diluluskan dan dapat bersara pada tahun hadapan (2025). GBM2, GBM3 dan GBM4 mempunyai perancangan untuk bersara awal, tetapi tidak pada waktu yang terdekat kerana mungkin perasaan sayang terhadap dunia pendidikan masih menebal dalam diri mereka dan kasih sayang terhadap anak-anak murid menjadi faktor kekangan mereka masih bertahan.

keseronokan mengajar ini menyebabkan mereka bercadang untuk bersara lebih awal.

- *Semakin kurang seronok mengajar kerana terlalu banyak tugas bukan hakiki yang terpaksa diselesaikan juga (GBM2).*
- *Secara jujurnya keseronokan mengajar semakin kurang 5-6 tahun kebelakangan ini (GBM3).*


- *Tempoh perkhidmatan lagi 5 tahun. Ya, dan saya telah memohon untuk bersara awal. (GBM1).*
- *Tempoh perkhidmatan lagi 14 tahun. Perancangan untuk bersara awal memang ada, tetapi bukan sekarang. Tanggungan hutang masih banyak (GBM2).*
- *Tempoh perkhidmatan lagi 9 tahun. Ada dalam perancangan untuk bersara awal, tetapi masih dalam pertimbangan (GBM3).*
- *Tempoh perkhidmatan lagi 8 tahun. Terfikir untuk bersara awal, tetapi saya bertahan demi anak-anak murid saya. Saya sayangkan mereka (GBM4).*

#### ***Faktor-Faktor Guru Bahasa Melayu Merancang Bersara Awal***

Melalui temu bual yang dijalankan terhadap empat GBM ini, kesemua GBM memberi justifikasi yang pelbagai bagi menyatakan sebab mengapa mereka ingin atau merancang bersara lebih awal. Tidak kira GBM yang mengajar di SK, SJKC ataupun SJKT, kesemua mereka memberikan lapan (8) faktor kenapa mereka merancang untuk bersara awal. Hal ini boleh dirumuskan dalam Rajah 1.

1. Tidak berminat lagi untuk menjadi guru: Hal ini telah dinyatakan oleh GBM1. Beliau tidak berminat untuk menjadi guru kerana terlalu banyak tugas-tugas bukan hakiki yang perlu dilakukan. Sungguhpun beliau sangat suka mengajar dan melayani karenah murid-murid, namun begitu, beban tugas yang lain menyebabkan beliau memohon untuk bersara lebih awal.
  - *Tidak berminat lagi untuk meneruskan perkhidmatan sebagai pendidik (GBM1).*

2. Tekanan kerja yang bukan tugas hakiki. Perkara ini dinyatakan oleh GBM2 yang tertekan dengan tugas-tugas diluar PdP.
  - *Rasa mahu bersara, tetapi tempoh perkhidmatan saya masih panjang. Kadang-kadang rasa 'stress' dengan kerja-kerja luar PdP yang banyak (GBM2).*
3. Tekanan tugas-tugas perkeranian: GBM bukan sahaja dibebani tugas hakiki, iaitu mengajar, tetapi juga tugas-tugas bukan hakiki terutamanya yang melibatkan pelbagai aktiviti sekolah yang berkaitan kurikulum dan aktiviti kokurikulum.
4. Tekanan daripada pentadbir dan pihak atasan meminta pelbagai data.
5. Mengadakan program-program yang tidak sesuai dan tidak menjurus kementjadian murid



RAJAH 1: Faktor-faktor GBM merancang bersara awal

6. Gangguan 'whatsApp' tidak kira waktu rehat guru serta banyak arahan daripada pentadbir. Faktor-faktor no.4 sehingga no.6 adalah sebab utama GBM3 merancang untuk bersara awal. GBM3 semakin tertekan dengan beban tugas bukan hakiki yang semakin melambak. Tambahan pula beliau mengajar di sekolah SJKC, yang mana pentadbir agak 'keras' dalam arahan yang diberikan. Faktor-faktor ini dinyatakan oleh GBM3 seperti berikut:
- Terdapat beberapa faktor. Antaranya tugas mengajar murid tidak dapat diberi 100% ini disebabkan guru lebih banyak membuat kerja perkeranian, pihak pentadbir dan pihak atasan memberi tekanan dengan meminta data yang pelbagai dan dalam masa yang singkat, pelbagai program tidak menjurus kemenjadian murid dan gangguan wassap tidak kira waktu rehat guru (stress) serta banyak memberi arahan (GBM3).
7. Kesihatan semakin merosot: Tugas hakiki dan bukan hakiki yang banyak turut mendatangkan masalah kesihatan kepada guru. Beban tugas yang banyak ini antara faktor guru Bahasa Melayu merancang ingin bersara lebih awal. Hal ini dikatakan oleh kesemua GBM SK, SJKC dan SJKT yang ditemu bual.
- Faktor kesihatan yang memerlukan rawatan yang berterusan menyebabkan guru terpaksa memohon untuk bersara awal. (GBM1)
  - Kesihatan yang semakin merosot terutama apabila umur semakin meningkat. (GBM2)
  - Faktor kesihatan -ramai guru menjadi tidak sihat dan menghidap pelbagai penyakit. (GBM3)
  - Keadaan kesihatan saya yang tidak menentu sejak kebelakangan ini. (GBM4)
8. Kurang kemahiran penggunaan ICT: Faktor no.7 dan no. 8 adalah sebab mengapa GBM4 merancang untuk bersara awal. Beliau yang mengajar SJKT masih seronok mengajar di sekolah, tambahan pula, perasaan sayang kepada anak-anak murid dan jawatan sebagai GPM yang disandangnya membuatkan beliau terus bertahan seboleh-bolehnya sehingga bersara wajib. Namun begitu, keadaan kesihatan beliau yang tidak menentu disamping kurang kemahiran ICT, menyebabkan beliau terfikir untuk bersara awal. Faktor-faktor ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut;
- Keadaan kesihatan saya yang tidak menentu sejak kebelakangan ini. Selain itu penggunaan ICT dalam PdP. Saya kurang mahir dalam penggunaan ICT (GBM4).



### *Faktor Lain Guru Bahasa Melayu Merancang Bersara Awal*

Berdasarkan Rajah 2, kesemua GBM telah memberi pendapat faktor-faktor guru di Malaysia ingin bersara lebih awal. Terdapat empat faktor yang dinyatakan, iaitu:

1. Masalah kesihatan: Kesihatan guru yang semakin merosot menyebabkan ramai guru-guru di Malaysia bertindakan ingin bersara lebih awal. Tambahan pula, penyakit yang dihadapi oleh guru-guru berkenaan memerlukan rawatan yang berterusan. Hal ini turut diakui oleh GBM1, GBM2 dan GBM3.
  - *Faktor kesihatan yang memerlukan rawatan yang berterusan menyebabkan guru terpaksa memohon untuk bersara awal (GBM1).*
  - *Kesihatan yang semakin merosot terutama apabila umur semakin meningkat (GBM2).*
  - *Faktor kesihatan -ramai guru menjadi tidak sihat dan menghidap pelbagai penyakit (GBM3)*



RAJAH 2: Faktor-faktor lain GBM merancang bersara awal

2. Beban tugas yang terlalu banyak: Beban tugas yang terpaksa dipikul oleh guru-guru pada ketika ini turut menjadi punca guru ingin bersara lebih awal. Guru-guru sangat tertekan dengan beban tugas yang bukan hakiki seperti kerja-kerja pekeranian, pengisian data, kerja-kerja keceriaan kelas, sekolah, bilik-bilik khas dan sebagainya. Perkara ini turut diakui oleh GBM1, GBM2 dan GBM4.
  - *Beban kerja yang banyak dan menyusahkan guru (GBM1)*
  - *Beban tugas terlalu banyak (GBM2)*
  - *Tekanan kerja yang melampau (GBM4)*
3. Silibus murid terlalu tinggi, hilang keseronokan mengajar: Menurut GBM2, silibus mata pelajaran yang tinggi dan agak mengarut juga adalah penyumbang kepada punca guru ingin bersara awal. Guru semakin rasa hilang keseronokan mengajar, lebih-lebih lagi apabila murid-murid turut tidak dapat menguasai pelajaran dengan baik dan merasa bosan dalam PdP. Hal ini dinyatakan oleh GBM2.
  - *Silibus murid yang tinggi menyebabkan tiada keseronokan mengajar (GBM2).*
4. Guru stress dengan pentadbir dan ibu bapa: Karenah birokrasi oleh pihak pentadbir juga merupakan punca guru ingin bersara awal. Ada pihak pentadbir yang ‘pilih kasih’ dan sering menyalahkan guru sekiranya guru tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan. Disamping sikap ibu bapa yang terlalu memanjakan anak dan sering menyalahkan guru juga menjadi punca guru stress. Perkara ini dinyatakan oleh GBM3.
  - *Stress dengan pihak atasan dan ibu bapa/penjaga yang sering menyalahkan guru sekiranya ada*

*perkara yang tidak diinginkan berlaku kepada anak mereka (GBM3).*

Rumusannya, dapat dilihat bahawa guru-guru mempunyai alasan yang pelbagai punca mengapa mereka ingin bersara awal. Guru

kini berasa sangat terbeban dengan tugas yang begitu banyak sehingga menyebabkan mereka berasa stress serta hilang minat untuk mengajar. Selain itu, masalah kesihatan juga menjadi sebab utama guru-guru di Malaysia ingin bersara lebih awal.

### **PERBINCANGAN FAKTOR GURU BAHASA MELAYU MERANCANG BERSARA AWAL**

Keputusan temu bual bersama empat orang GBM ini, telah menemui jawapan bahawa guru sudah tidak berminat lagi untuk menjadi guru. Hal ini telah menyebabkan beliau telah mengisi borang bersara awal pada tahun ini. Antara sebab mengapa beliau ingin bersara awal walaupun beliau sangat menyayangi dunia pendidikan adalah beban kerja yang terlalu banyak dan tidak terdaya dilakukan oleh guru yang sudah berusia sepeertinya. Beban tugas guru ini sudah dimaklumi menjadi punca utama guru ingin bersara lebih awal. Kajian Tajul Rosli et al. (2023) turut menyatakan bahawa beban guru yang semakin ketara ketika ini. Menurut mereka, guru-guru turut dituntut melaksanakan tugas-tugas perkeranian yang mengambil masa selain tugas pengajaran dan perekodan pentaksiran sedia ada. Ini termasuklah penyediaan hasil pemantauan, pelaporan dan intervensi bagi isu kehadiran murid, penyediaan kertas kerja bagi setiap program serta pelaporanpelaporan pentaksiran. Terdapat juga guru yang diminta untuk mengendalikan kelas tambahan yang dianjurkan oleh pihak-pihak luar (Tajul Rosli et al. 2023).

Guru-guru yang ditemu bual menyatakan bahawa tekanan kerja yang melampau adalah punca mereka merancang untuk bersara lebih awal. Tekanan kerja guru yang melampau merupakan isu yang serius dalam bidang pendidikan. Guru adalah tulang belakang sistem pendidikan dan mereka terdedah kepada pelbagai cabaran dan tekanan hari demi hari. Semakin meningkatnya standard pendidikan, tuntutan untuk mencapai kejayaan akademik yang tinggi, isu disiplin dan juga tugas luar kelas, semuanya merupakan faktor yang menyebabkan guru mengalami tekanan yang melebihi batas (Suhaimi dan Muhamad Suhaimi 2020). Menurut GBM yang ditemu bual, mereka bukan sahaja dibebani dengan beban tugas hakiki yang banyak, tetapi juga terpaksa melakukan tugas-tugas perkeranian yang terlalu membebankan. Tugas perkeranian merujuk kepada pelbagai tugas tambahan yang harus diuruskan oleh guru, selain dari tugas mengajar di dalam kelas. Antara tugas perkeranian yang perlu dilaksanakan oleh guru adalah seperti menyediakan laporan penilaian,

menguruskan fail murid, menyemak kertas kerja pentaksiran, dan banyak lagi. Tugas-tugas ini tidak seharusnya menjadi bebanan tambahan kepada guru, tetapi dalam realiti mereka sering kali mengambil masa yang tidak sedikit. Hal ini mengakibatkan guru tidak dapat memberikan fokus penuh dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Tugas perkeranian yang membebankan guru turut merangkumi tugas pendaftaran murid baharu setiap tahun. Tiap tahun, guru-guru perlu mengumpulkan dan mengemas kini maklumat murid baharu. Mereka juga perlu menubuhkan maklumat penting murid dan memastikan semua dokumen berkaitan murid didaftarkan dengan betul. Proses ini memakan masa yang lama dan penuh dengan kerumitan. Sebagai seorang guru, menjalankan tugas mengajar secara efektif sudah menjadi cabaran, tetapi tugas tambahan ini hanya menambahkan bebanan mereka (Zamri dan Anita 2020).

Tekanan daripada pihak pentadbiran sekolah juga adalah punca guru merancang untuk bersara lebih awal (Azrul Radi 2022). Pihak pentadbir yang seolah-olah tidak memahami masalah dan beban kerja yang dihadapi oleh guru menyebabkan guru berasa stress dan hilang motivasi. Tekanan daripada pentadbiran sekolah juga boleh datang dalam bentuk penilaian prestasi yang berlebihan. Guru-guru sering dinilai berdasarkan pencapaian murid dalam peperiksaan atau ujian, dan prestasi mereka akan menjadi tanggungjawab sekolah. Hal ini menimbulkan rasa ketakutan dan kebimbangan dalam kalangan guru, kerana mereka tahu bahawa prestasi mereka akan mempengaruhi imej sekolah. Tekanan yang berterusan dan rasa tertekan oleh pihak pentadbiran ini boleh menyebabkan kehilangan motivasi dan minat dalam bidang mengajar, yang akhirnya menyebabkan guru ingin mencari jalan keluar dengan bersara awal. Dalam satu kajian oleh Ahmad (2018), didapati bahawa 65% daripada guru-guru yang ingin bersara awal menyatakan bahawa tekanan pentadbiran adalah faktor utama yang mempengaruhi keputusan mereka. Tekanan yang tidak dapat dielakkan dan tidak dapat dikurangkan mengakibatkan perasaan tertekan yang terus menerus, dan secara tidak langsung

memberikan kesan negatif kepada prestasi kerja mereka. Bagi sebahagian guru, kesannya menyebabkan mereka kehilangan kepuasan kerja dan kegembiraan dalam profesion sebagai seorang pendidik.

Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, ada satu fenomena yang semakin meningkat dalam kalangan guru, iaitu gangguan melalui mesej daripada pentadbir berkenaan urusan kerja. Fenomena ini tidak mengira masa, dan ia turut dikenali sebagai "mesej kerja tak kira masa". Gangguan ini boleh berlaku pada bila-bila masa, termasuk waktu malam, hujung minggu dan hari cuti. Isu ini semakin serius kerana ia menjadi sebab utama ramai guru ingin bersara awal. Begitulah dialami oleh salah seorang GBM3 yang ditemui bual. GBM3 yang mengajar di SJKC berasa sangat tertekan dengan gangguan mesej *WhatsApp* daripada pihak pentadbirnya. Fenomena gangguan melalui mesej daripada pentadbir ini menjadi isu sensitif kerana ia merosakkan keseimbangan antara kehidupan profesional dan peribadi seseorang guru. Ia juga memberi kesan terhadap kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Guru yang terganggu oleh mesej berkenaan urusan kerja pada waktu lapang mereka cenderung kehilangan fokus dan motivasi dalam mengajar. Hal ini boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap prestasi murid. Gangguan melalui mesej seperti *WhatsApp* ini tidak kira masa juga memberikan kesan negatif terhadap komitmen dan motivasi guru. Rasa tidak dihargai dan terbeban dengan tuntutan yang tidak munasabah daripada pentadbir boleh mengurangkan semangat dan berpengaruh secara negatif terhadap efisiensi kerja dan kualiti pengajaran. Guru yang terus menerima mesej berkenaan urusan kerja akan merasa kecewa dan mungkin kehilangan minat mereka dalam bidang pendidikan. Guru yang tidak bermotivasi akan mengurangkan kualiti pengajaran mereka, yang pada akhirnya merugikan prestasi akademik murid.

Kesihatan merosot menjadi salah satu punca guru-guru bersara awal dalam sistem pendidikan negara kita (Azrul Radi 2022). Guru-guru merupakan aset yang penting dalam pembangunan pendidikan di Malaysia. Namun, kebimbangan terhadap masalah kesihatan telah menjadi isu yang semakin mendalam. Faktor-faktor seperti tekanan kerja yang tinggi, cuaca yang tidak menentu, dan gaya hidup tidak sihat merupakan beberapa punca utama yang menyebabkan kesihatan merosot dalam kalangan guru (Abdul Said dan Norhayati 2018). Setiap tahun ada guru memohon bersara awal. Kebanyakan yang memohon ini dipengaruhi faktor kesihatan. Sebagai insan biasa, apabila meningkat usia 40-an atau 50-an ramai mula

menghadapi masalah kesihatan. Kebanyakan guru yang bersara awal adalah dalam kalangan guru wanita berusia lebih 50 tahun dan keputusan dibuat atas faktor kesihatan. Penyakit biasa dialami ialah darah tinggi, sakit jantung, gout, kencing manis, buah pinggang atau gangguan saraf. Bagi yang agak serius dan kronik terpaksa berulang alik ke hospital dan kerap mengambil cuti sakit. Mereka tidak lagi mampu menjadi guru yang produktif kerana tidak dapat menjalankan tugas secara normal. Ditambah lagi dengan tuntutan kerja selain daripada mengajar di kelas tetapi juga perlu menyiapkan laporan tugas hingga membuatkan guru yang mempunyai penyakit nekad untuk memilih bersara awal. Tindakan ini membolehkan mereka mendapat rawatan, rehat mencukupi dan tidak pula menjejaskan produktiviti sekolah tanpa kehadiran mereka.

Dalam era digital yang semakin pesat ini, kebolehan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) semakin penting di dalam pelbagai bidang, termasuk dalam bidang pendidikan. Guru-guru yang mahir dalam ICT dapat memanfaatkan teknologi ini untuk meningkatkan kecekapan pengajaran dan pembelajaran. Namun, terdapat guru-guru yang kurang mahir dalam ICT dan ini telah mendorong mereka untuk ingin bersara awal. GBM4 yang mempunyai masalah dalam penggunaan ICT menyebabkan beliau berasa tertekan dan menjadi salah satu punca beliau ingin bersara awal. Menurut kajian Norhana (2020), salah satu faktor yang menyebabkan guru-guru kurang mahir dalam ICT dan ingin bersara awal adalah kekurangan keyakinan diri. Apabila mereka tidak mahir dalam menggunakan teknologi, mereka mungkin merasa terancam atau tertekan apabila dihadapkan dengan aplikasi dan peralatan ICT yang baharu. Rasa kurang keyakinan ini boleh menghalang mereka daripada mencuba bahan-bahan pengajaran yang inovatif yang melibatkan penggunaan ICT. Akibatnya, mereka mungkin hanya terbatas kepada kaedah-kaedah pengajaran konvensional yang tidak seefektif kaedah pengajaran yang melibatkan penggunaan teknologi.

Selain daripada kekurangan keyakinan diri, ketidaktahuan tentang teknologi moden adalah penyebab lain guru-guru kurang mahir dalam ICT ingin bersara awal. Terdapat guru-guru yang terlalu asyik dengan kaedah pengajaran tradisional sehingga tidak mempunyai motivasi untuk mempelajari ICT. Mereka mungkin tidak tahu mengenai pelbagai aplikasi dan peralatan ICT yang boleh meningkatkan kecekapan pengajaran dan pembelajaran mereka. Kurang pengetahuan ini menjadikan mereka tertinggal dalam dunia pendidikan yang semakin menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru

yang menyedari bahawa mereka tidak mahir dalam ICT mungkin merasa terancam dengan kemajuan yang pesat ini dan akhirnya berhasrat untuk bersara awal. Selain itu, perubahan dalam bidang pendidikan juga mendorong guru-guru kurang mahir dalam ICT untuk ingin bersara awal. Pada zaman ini, ramai murid menjadi semakin mahir dalam menggunakan teknologi berbanding dengan generasi sebelumnya. Mereka biasanya mempunyai akses kepada peranti ICT seperti telefon pintar dan *tablet*. Jika guru-guru kurang mahir dalam ICT tidak dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan ini, mereka mungkin akan terasa terpinggir atau tidak relevan dalam pengajaran. Perasaan ini boleh mengakibatkan peningkatan perasaan stress dan keletihan yang boleh mempengaruhi keinginan mereka untuk ingin bersara awal.

Selain daripada isu beban kerja yang terlalu banyak, masalah kesihatan, dan stress serta tertekan dengan pihak pentadbir, silibus mata pelajaran terlalu tinggi juga merupakan antara faktor guru bertindak untuk bersara

lebih awal (Siti Nur Ain et al. 2020; Suhaimi dan Muhamad Suhaimi 2020). Silibus mata pelajaran yang tinggi menimbulkan tekanan yang tinggi bukan sahaja bagi murid malahan bagi guru juga. Guru-guru dituntut untuk menjalankan tugas mereka untuk memberikan pendidikan berkualiti kepada murid. Namun, dengan silibus yang semakin padat, mereka dihadapkan dengan pelbagai tugas dan tanggungjawab yang memerlukan usaha yang melelahkan. Mereka harus menyediakan bahan pengajaran yang lengkap, merancang pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran murid dalam sesuatu topik dan melaksanakan ujian, sedangkan murid sendiri tidak dapat menguasai kemahiran yang terdapat dalam buku teks. Semua ini membuatkan guru terpaksa bekerja lebih lama, malah kadangkala hingga lewat malam. Peningkatan beban kerja ini memberi kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan mereka, yang pada akhirnya menyebabkan keinginan untuk bersara lebih awal.

## KESIMPULAN

Isu guru-guru yang merancang bersara awal telah menjadi satu isu yang semakin mendapat perhatian dalam sistem pendidikan negara kita. Fenomena ini semakin menjadi ketara dalam kalangan guru di mana ramai daripada mereka memilih untuk bersara seawal mungkin berbanding dengan generasi sebelumnya. Terdapat beberapa punca utama yang mendorong fenomena ini dan ia mempunyai kesan yang signifikan terhadap pendidikan negara. Punca utama yang menyebabkan guru-guru bersara awal

termasuk tekanan kerja yang tinggi dan persekitaran kerjaya yang tidak kondusif seperti masalah dengan pihak pentadbir. Kesan daripada isu ini termasuk kekurangan guru berkualiti dan berpengalaman. Dengan melibatkan pentadbiran sekolah dan kementerian pendidikan dan melaksanakan langkah-langkah yang sesuai, kita boleh mengatasi isu ini dan memastikan kestabilan dan kelebihan berkualiti dalam sistem pendidikan negara kita.

## RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang & Norhayati Bayong. 2018. Hubungan antara beban tugas dan tekanankerja dengan komitmen guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 11:11-21.
- Ahmad, H. 2018. The Influence factors-teachers retire early. *International Journal of Science and Research*, 9(3): 992-997.
- Azrul Radi. 2022. Bekas KP Pendidikan dedah 3 punca guru bersara awal ketika eranya. <https://majoriti.com.my/berita/2022/07/21/bekas-kp-pendidikan-dedah-3-punca-guru-bersara-awal-ketika-eranya> (diakses pada 19 Mac 2024)
- Bernama. 2022. Guru Bersara awal: Punca sekolah mengalami kekurangan guru – Mah Hang Soon. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-bersara-awal-punca-sekolah-mengalami-kekurangan-guru-mah-hang-soon-382424> (diakses pada 13 Mei 2024).
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2): 7-9.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah Penyelidikan*. 3rd Edition. Petaling Jaya: McGraw Hill Education (M) Sdn.Bhd.
- Creswell, J.W. 2008. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 2nd Edition. New Jersey: Pearson Education.
- Danial Farook. 2022. Guru bersara awal: Satu pemerhatian bakal guru <https://myedvolution.com/guru-bersara-awal-satu-pemerhatian-bakal-guru/> (diakses pada 24 April 2024)

- Denzin, N.K. 2001. *Handbook of Qualitative Research*. 2nd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Marshall, C. & Rosmann, G.B. 2006. *Designing Qualitative Research*. 4th Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers
- Mohammad Zainuddin, M. Z., Mat Rahimi, Y. & Mohd Isha, A. 2022. Model pengukuran kepemimpinan autentik dan kepuasan kerja guru Sekolah rendah pinggir bandar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46): 215-235.
- Nas Norziela Nasbah. 2022. Tekanan pengurusan punca guru bersara awal. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2022/06/970661/tekanan-pengurusan-punca-guru-bersara-awal> (diakses pada 18 Mac 2024)
- Nor Safwan Saiful Hizan & Shazaitul Azreen Rodzalan. 2020. Hubungan antara pengurusan masa dengan tekanan kerja dalam kalangan guru Sekolah Menengah di Melaka. *Research in Management of Technology and KontriBusiness*, 1(1): 92-103.
- Norfatin Nadhiah Rosli. 2021. *Bebanan Tugas dan Stres dalam Profesion Keguruan*. Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).
- Norhana Mohamad Saad. 2020. Pengaruh konflik peranan terhadap hasrat persaraan awal pemimpin guru: Kepuasan kerja sebagai mediator. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Ooi Chew Hong & Aziah Ismail. 2015. Sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap tekanan kerja guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2): 42-57.
- Roshlawaty Md Raieh. 2023. Guru berundur awal, apa alasan mereka? *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/253185/berita/guru-berundur-awal-apa-alasan-mereka> (diakses pada 13 Mei 2024).
- Shahlan Surat & Zamri Mahamod. (Pnyt.) 2023. *Inovasi Pedagogi dan Kreativiti Guru*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Nur Ain Rembli, Norazlina Ripain & Marhaini Abdul Ghani. (2020). *Tekanan pekerjaan dan kesihatan mental guru*. Proceeding of the 7th International Conference on Management and Muamalah 2020, hlm.. 412-419.
- Suhaimi Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat. 2020. Pengaruh faktor-faktor tekanan dalam kalangan guru di sekolah menengah: Satu analisis persamaan struktur (SEM-PLS). *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11): 104-115.
- Syed Ismail Syed Mustapa., Lee Leh Hong, Edaham Ismail & Ahmad Subki Miskon. 2022. Kepuasan kerja dalam kalangan pegawai akademik di Institut Pendidikan Guru. *Seminar Pendidikan Kebangsaan 2022*. IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, 23-25 Ogos.
- Tajul Rosli Shuib, Mohd Afifi Bahurudin Setambah, Mohd Syaubari Othman, Abdul Rahim Razalli, Mohd Razimi Husin, Kama Shaffeei & Mohd Ridhuan Mohd Jamil. 2023. Faktor-faktor persaraan awal: Tinjauan dalam kalangan guru Negeri Perak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3): 1-12.
- Ummi Kalsom Zakaria. 2014. Faktor-Faktor yang mempengaruhi tekanan kerja dalam kalangan guru sekolah menengah di Daerah Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Yin, R.K. 2012. *Applications of Case Study Research*. 3th Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (Pnyt.). 2020. *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.